

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Sasar RM3 bilion  
eksport produk sawit  
ke Filipina ▶ MUKA 2

Santan sawit  
semakin dapat  
sambutan ▶ MUKA 4



## MPOB lancar 27 teknologi, perkhidmatan baharu

➔ Teknologi perkukuh industri sawit di arena global

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

► Bangi

MPOB melancarkan sejumlah 18 teknologi dan sembilan perkhidmatan semasa Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi MPOB ke-23 (TOT 2017) pada awal bulan lalu.

Teknologi dan perkhidmatan yang dilancarkan meliputi aktiviti hulu, pertengahan dan hiliran industri sawit termasuk perlindungan tanaman sawit; integrasi; peralatan ladang; bioteknologi; pengilangan dan pemprosesan; penggunaan biojisim sawit; tenaga hijau; pembuatan makanan haiwan; oleokimia dan pemakanan.

Majlis dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong. Turut hadir Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) Kementerian Perusahaan Perla-

dangan dan Komoditi, Puan Zuriyah Pawanteh; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Dalam ucapan perasmian, Mah berkata pengenalan teknologi dan inovasi ke dalam industri sawit akan memodenkan lagi industri itu di samping memperkukuhkan kedudukan industri sawit di arena industri minyak dan lelemak global.

### Jana pendapatan negara

“Hari ini industri sawit merupakan antara penjana pendapatan terbesar kepada negara. Tahun 2016 menyaksikan eksport daripada industri ini berada pada RM67.6 billion. Kerajaan yakin prospek pertumbuhan industri ini akan terus berkembang,” tambah beliau.

Beliau berkata industri sawit negara kini telah berusia 100 tahun dan ia telah berjaya mencatat prestasi yang memberangsangkan dan kerajaan mahu industri ini terus berjaya untuk 100 tahun akan datang.

“Inovasi merupakan kunci untuk industri sawit negara terus kekal berperanan penting dalam pembangunan negara. Teknologi baharu yang diserapkan ke dalam semua rantaian aktiviti industri akan menjadikan industri sawit lebih efisien dan produktif seterusnya menjana pertumbuhan dan peningkatan hasil,” tambah beliau.

MPOB menganjurkan seminar ini setiap tahun untuk melan-



Datuk Seri Mah Siew Keong mendengar penerangan berkaitan bahan tanaman sawit ketika melawat pameran TOT 2017.

carkan teknologi dan perkhidmatan MPOB kepada industri sawit dan usahawan untuk menggalakkan mereka mengkomersialkan inovasi MPOB ini.

### Lancar cecair pencuci berasaskan sawit

Seminar dan Pameran TOT MPOB telah menjadi perantaraan penting dalam mempromosikan pengkomersialan teknologi dan perkhidmatan MPOB. Sehingga akhir tahun 2016, MPOB telah menghasilkan 608 teknologi dan 165 perkhidmatan yang relevan untuk diguna pakai dan dikomersialkan oleh industri sawit dan usahawan.

Sehingga kini, kadar pengkomersialan teknologi dan perkhidmatan MPOB adalah melebihi 30 peratus. TOT 2017 turut menyaksikan pertukaran memorandum perjanjian pengambilan teknologi antara MPOB dan Lipochem Sdn Bhd; Banyan Agri Sdn Bhd; Bina Paint Marketing Sdn Bhd dan Kong Engineering Co.



Inovasi merupakan kunci untuk industri sawit negara terus kekal berperanan penting dalam pembangunan negara. Teknologi baharu yang diserapkan ke dalam semua rantaian aktiviti industri akan menjadikan industri sawit lebih efisien dan produktif seterusnya menjana pertumbuhan dan peningkatan hasil”

Datuk Seri Mah Siew Keong,  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi

Lipochem Sdn Bhd mengambil teknologi MPOB untuk mengurangkan bendasing yang terhasil berikutan proses menapis minyak sawit; Banyan Agri dengan teknologi menghasilkan dedak berasaskan sawit; Bina Paint Marketing dengan teknologi pengklonan sawit; dan Kong Engineering Co akan mengkomersialkan jentera pemungut buah tandan segar bergelar ‘Hydraporter’.

Cecair pencuci berasaskan sawit di bawah jenama Mahkota juga dilancarkan di TOT 2017 oleh Datuk Seri Mah.

Oleh kerana ianya diperbuat daripada bahan sawit, cecair pencuci Mahkota ini tidak merosakkan kulit dan juga mesra alam. Teknologi penghasilan cecair pencuci MPOB ini telah dikomersialkan oleh Oxichem Resources Sdn Bhd.

Lebih 500 hadirin mewakili golongan profesional, wakil industri sawit, jurutera, saintis dan pembangun teknologi membanjiri ibu pejabat MPOB, di sini menghadiri TOT 2017.



Industri sawit komersial bertapak di Malaysia 100 tahun lalu bermula pada tahun 1917. Dalam jangka masa tersebut pelbagai pencapaian membanggakan telah diraih di peringkat nasional dan global. Selaras dengan usianya yang matang, industri sawit negara dikenali di seluruh dunia terutama apabila minyak sawit dan produk sawit Malaysia berjaya menembusi pasaran di lebih 200 negara seluruh dunia.

Pada masa ini, Malaysia terus berusaha untuk mengukuhkan kedudukan minyak sawit di pasaran sedia ada dan gigih meneroka pasaran baharu. Misi lawatan yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU) dan Filipina baru-baru ini menunjukkan Malaysia serius untuk menembusi lebih banyak pasaran di luar negara bagi minyak sawit.

Semasa lawatan ke EU pada bulan Jun lalu, industri sawit negara terus menerima sokongan daripada negara pengimport seperti Itali. Di sebalik pelbagai perspektif negatif yang menyelubungi pasaran sawit di negara-negara EU, Malaysia terus gigih memberi penerangan dan pemahaman berkaitan pengeluaran minyak sawit mampan.

Pertemuan dengan Ahli-Ahli Parlimen EU menjadi landasan bagi Malaysia menekankan prinsip kemampanan yang diamalkan oleh industri sawit terutama isu pengeluaran mampan dan penyahhutan.

Kesungguhan Malaysia dalam memastikan produk sawit yang dihasilkan secara mampan untuk

pasaran global termasuk di EU turut merangkumi isu keselamatan makanan. Malaysia memberi jaminan bahawa minyak sawit yang dihasilkan adalah yang terbaik.

Sebagai kesinambungan kesungguhan Malaysia terhadap pasaran minyak sawit ke EU, Ahli-Ahli Parlimen Malaysia yang akan diketuai oleh Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang juga Ahli Parlimen Jasin akan mengadakan lawatan ke negara EU untuk terus menjelaskan berkaitan kemampanan industri sawit Malaysia.

Di rantau Asia, misi ekonomi bagi mempromosi minyak sawit yang diadakan di Filipina baru-baru ini berjaya meyakinkan pasaran negara tersebut bahawa harga minyak sawit yang kompetitif dapat memberi lebih manfaat kepada industri makanan dan bukan makanan di negara tersebut.

Filipina adalah pengimport minyak sawit terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah import 931,000 tan di mana 65 peratus atau 605,105 tan diimport dari Malaysia. Nilai keseluruhan import minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia adalah RM2.28 bilion pada tahun 2016.

Berikutan penerimaan baik minyak sawit di Filipina, penggiat industri sawit Malaysia diseru untuk meneroka pasaran di Filipina dalam bidang penyediaan kemudahan pukal dan penyimpanan, kilang pembungkusan dan pusat pengedaran minyak sawit. Langkah ini akan dapat mengurangkan kos minyak sawit kepada pengguna dan peniaga tempatan di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negara itu.

Dalam satu misi mempromosi produk Malaysia termasuk sawit di negara China yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, Malaysia menerima layanan sebagai negara kehormat sebagai perakuan Kerajaan China terhadap sumbangan Malaysia kepada inisiatif One Belt One Road (OBOR). Pembabitian Malaysia dalam Lanzhou Fair yang diadakan baru-baru ini dapat menggalakkan perdagangan minyak sawit di wilayah itu kerana ia adalah antara bandar utama yang mempunyai majoriti komuniti Muslim di China yang menyediakan pasaran besar untuk produk halal.

Kesungguhan Malaysia meningkatkan penggunaan minyak sawit di pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu luar negara menyumbang kepada kesejahteraan industri sawit negara.

kushairi@mpob.gov.my



**MINDA**  
Dr Ahmad  
Kushairi Din

Ketua Pengarah  
MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong (tengah) mengadakan perbincangan dua hala bersama Ramon M. Lopez (kanan) yang turut dihadiri oleh Duta Malaysia ke Filipina, Dato' Raszlan Abdul Rashid (kiri).

## Sasar RM3b produk sawit ke Filipina

➔ Alternatif ekonomik untuk pengguna di negara berkenaan

Oleh Nik Aznizan  
Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

✦ Manila

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) mensasarkan eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Filipina meningkat kepada RM3 bilion menjelang tahun 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong yang mengetuai Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Filipina bermula pada 18 sehingga 20 Julai 2017 lalu, berkata Malaysia akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina (DTI) untuk meningkatkan eksport minyak sawit ke Filipina sebagai alternatif yang ekonomik untuk para pengguna di negara tersebut.

"Ini akan menjadikan minyak sawit sebagai minyak masak yang ditawarkan pada harga yang lebih

kompetitif kepada para pengguna. Manakala, para pengeluar makanan mendapat manfaat dengan menggunakan minyak sawit kerana dapat mengekalkan kos pengeluaran makanan yang jauh lebih rendah," katanya.

Filipina adalah antara pengimport minyak sawit terbesar di Asia Tenggara pada tahun 2016 dengan jumlah import sebanyak 931,000 tan di mana 65 peratus atau 605,105 tan adalah diimport dari Malaysia.

### Nilai import

Nilai keseluruhan import minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia adalah RM2.28 bilion pada tahun lalu.

Filipina sedang menikmati pertumbuhan ekonomi pesat dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) direkodkan pada kadar 6.7 peratus.

Seiring dengan pertumbuhan pesat tersebut, keperluan minyak dan lemak Filipina dijangka tumbuh dan berpotensi meningkat melebihi 1 juta tan minyak sawit menjelang tahun 2020.

Malaysia menekankan tahap serba guna tinggi bagi minyak sawit selain keupayaan minyak itu menjadi makanan bernutrisi bagi membantu mengurangkan kebuluran di kawasan miskin di dunia, di samping memenuhi peningkatan permintaan dunia terhadap bahan api bio yang mesra alam sekitar.

Para pemain industri sawit Ma-

laysia diseru untuk meneroka pelaburan di Filipina dalam bidang seperti penyediaan kemudahan pukal dan penyimpanan, kilang pembungkusan serta pusat pengedaran.

Ini diharap dapat mengurangkan kos minyak sawit kepada para pengguna dan perniagaan tempatan sambil menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Misi ekonomi dan promosi minyak sawit turut disertai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din; Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dato' Lee Yeow Chor; Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Dr. Kalyana Sundram serta pegawai kanan daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC).

Semasa misi tersebut, Mah sempat mengadakan perbincangan dua hala bersama Setiausaha Perdagangan dan Industri Filipina, Ramon M. Lopez bagi menerokai serta meluaskan peluang eksport minyak sawit dan getah dari Malaysia ke Filipina.

Pada pertemuan tersebut, beliau merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Filipina atas sokongan mengimport produk komoditi Malaysia terutama minyak sawit dan getah.



# Perancangan strategik tingkat daya saing industri sawit

➔ Inisiatif kerajaan pastikan industri sawit kekal berdaya saing

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan daya saing industri sawit bagi memastikan industri itu terus menyumbang kepada nilai eksport negara dan pekebun kecil terus menikmati manfaatnya.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong ketika berucap pada Majlis Taklimat Isu-Isu dan Pelaksanaan Aktiviti Industri Sawit Negara dan Bantuan Musim Tengkujuh Bagi Pekebun Kecil Getah, berkata sejak tanaman sawit mula diperkenalkan di negara ini 100

tahun lalu, ia berkembang menjadi industri yang telah mentransformasi sektor pertanian negara dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

## Pengeksport sawit terbesar dunia

Katanya, melalui perancangan strategik serta pelbagai inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam membangunkan industri sawit ini, Malaysia kini menjadi sebuah negara pengeluar dan pengeksport sawit terbesar dunia.

"Kawasan tanaman sawit negara menjangkau seluas 5.74 juta hektar dengan pengeluaran 17.31 juta pada tahun 2016, di mana 40 peratus daripada keluasan tanaman sawit ini dimiliki pekebun kecil.

Katanya, pada tahun 2016, eksport produk sawit berjumlah RM67.6 bilion iaitu menyumbang kira-kira 8.6 peratus daripada jumlah eksport barangan negara. Industri ini menyumbang kira-kira 8 peratus KDNK.

"Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, sebanyak 9.45 juta tan produk sawit dieksport dengan nilai RM32.3 bilion.

"Bagaimanapun, industri sawit



Datuk Seri Mah Siew Keong berucap pada majlis taklimat khas untuk ahli BNBBC.

terus berdepan pelbagai cabaran dan persepsi negatif oleh kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengaitkan pembangunan industri sawit oleh negara-negara pengeluar sawit sebagai tidak mampan dan mencemarkan alam sekitar.

Katanya, usaha yang telah dilaksanakan oleh negara pengeluar sawit bagi pengeluaran minyak sawit mampan juga tidak diiktiraf.

"Langkah terbaru yang diambil termasuklah tindakan Parlimen Kesatuan Eropah (EU) meluluskan Resolusi mengenai Palm Oil and Deforestation of Rainforests serta cadangan Kerajaan Perancis untuk tidak membenarkan import bio bahan api daripada sawit. Tindakan oleh EU ini boleh menjejaskan eksport produk sawit negara.

Katanya, bagi menangani isu tersebut, kementeriannya mengambil

langkah positif dengan memperkenalkan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

"MSPO diperkenalkan sejak tahun 2015. Skim MSPO ini akan dilaksanakan secara mandatori mulai 31 Disember 2019. Pelaksanaan MSPO secara mandatori meliputi seluruh rantai pengeluaran sawit termasuk pekebun kecil.

## Bukti kesungguhan Malaysia

"Langkah ini adalah sebagai bukti kesungguhan Malaysia untuk memastikan pengeluaran sawit negara secara mampan dan mesra alam selaras permintaan pasaran global terhadap minyak sawit mampan," katanya.

Pada majlis sama, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din melalui taklimatnya berkaitan skim insentif pekebun kecil persendirian, berkata Kerajaan melalui MPOB menyalurkan pelbagai bantuan bagi membantu pekebun kecil persendirian.

Bantuan disediakan Kerajaan kepada pekebun kecil sawit antaranya ialah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK); Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK); Insentif Integrasi Tanaman (ITA); dan Insentif Integrasi Ternakan (ITE).

"Bantuan disediakan bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui tanam semula dan tanam baharu sawit di samping meningkatkan purata nasional hasil buah tandan segar pekebun kecil sawit kepada 22 tan sehektar menjelang tahun 2020," katanya.

# Malaysia, Filipina kerjasama teknologi tenaga hijau

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

**Manila:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong telah mengadakan pertemuan dua hala bersama Setiausaha Tenaga Filipina, Alfonso G. Cusi sempena Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit dan Getah ke Filipina pada Julai 2017 lalu.

Tumpuan utama pertemuan adalah bagi meneroka kerjasama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui terutamanya biodiesel, bioetanol dan bio bahan api generasi kedua di antara kedua-dua buah negara.

Permintaan tinggi untuk bahan bakar yang boleh diperbaharui telah melonjakkan pengeluaran bio bahan api di seluruh dunia.

Sebagai salah sebuah negara pengeluar utama minyak sawit, Malaysia melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara meluas mengenai pengeluaran biodiesel berasaskan sawit sejak tahun 1980-an.

Filipina kini menggunakan B2 (campuran 2% biodiesel dan 98% diesel berasaskan petroleum) dan kini berusaha untuk meningkatkan campuran kepada B5 (campuran 5% biodiesel dan 95% diesel

berasaskan petroleum) menggunakan metil ester berasaskan kelapa, coco-methyl ester (CME).

Sekiranya pelaksanaan B5 tersebut dijadikan mandatori oleh Kerajaan Filipina, mereka memerlukan tambahan sebanyak 350 juta liter atau lebih kurang 350,000 tan CME untuk program tersebut.

"Minyak sawit Malaysia boleh menjadi alternatif kepada minyak kelapa sebagai bahan mentah untuk pengeluaran biodiesel di Filipina," kata Mah.

"Ini kerana minyak kelapa boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi. Adalah munasabah untuk Filipina mengeksport minyak kelapa bagi mengaut pendapatan yang lebih menguntungkan daripada menggunakannya sebagai bahan mentah untuk biodiesel," tambah Mah.

Menurut Indeks Mundi, harga minyak kelapa yang mencapai USD1,682 setan adalah 2.6 kali lebih tinggi berbanding harga minyak sawit iaitu USD655 setan pada bulan Mei 2017.

## Program biodiesel B7

Pada masa ini, Malaysia melaksanakan Program biodiesel B7 yang mampu memanfaatkan 350,000 tan biodiesel sawit dalam setahun.

Biodiesel sawit dihasilkan oleh pengeluar biodiesel yang berdaftar



Perbincangan di antara Datuk Seri Mah Siew Keong bersama Alfonso G. Cusi. Perbincangan turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din, dan pegawai kanan Kementerian dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

di bawah Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA).

Terdapat 23 pengeluar biodiesel di Malaysia dengan gabungan kapasiti pengeluaran komersial sebanyak 2,708,000 tan biodiesel sawit setahun.

Industri biodiesel di Malaysia dapat menampung program biodiesel tempatan serta memenuhi permintaan pasaran eksport di seluruh dunia.

MPOB kini menjadi satu daripada pengeluar teknologi yang ber-

jaya untuk pengeluaran biodiesel dengan membina kilang komersialnya yang pertama pada 2006. Teknologi pengeluaran biodiesel berasaskan tempatan setanding dengan teknologi luar negara.

Semasa misi tersebut, satu sesi dialog yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Mah turut diadakan bagi mendapatkan maklum balas pihak sektor swasta di Filipina serta kumpulan ahli perniagaan Malaysia mengenai imej minyak sawit serta strategi berkesan yang boleh

diadaptasi bagi mempromosikan penggunaan minyak sawit dalam aplikasi makanan dan bukan makanan di negara tersebut.

Di samping itu, lawatan kerja ke YanYan International yang merupakan syarikat pengeluaran makanan tempatan turut dimuatkan dalam program misi tersebut. Ia menghasilkan makanan ringan, cip, keropok, coklat dan minuman yang berkualiti dan ditawarkan pada harga yang berpatutan kepada penduduk tempatan.



# Malaysia tingkat dagangan sawit di China

➔ MPOB pameran produk berasaskan sawit pada Lanzhou Fair

Oleh Yoong Jun Hao  
jhyoong@mpob.gov.my

► Lanzhou, China

Malaysia terus memperkukuhkan perdagangan sawit di China dengan menyertai pameran perdagangan 23rd China Lanzhou Trade and Investment Fair (Lanzhou Fair) anjuran Kerajaan Wilayah Gansu, China di Lanzhou, Wilayah Gansu pada 6 hingga 9 Julai 2017.

Sempena program berkenaan, Kerajaan Wilayah Gansu menamakan Malaysia sebagai negara kehormat Lanzhou Fair sebagai perkakuan Kerajaan China terhadap sumbangan Malaysia kepada inisiatif One Belt One Road (OBOR)

yang dilancarkan oleh Presiden China, Xi Jinping pada 2013.

Delegasi Malaysia di Lanzhou Fair diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan dan dianggotai oleh Ketua Eksekutif MATRADE, Dr Mohd Shahreen Zainooreen Madros; Ketua Eksekutif MIDA, Datuk Azman Mahmud dan Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Lim Weng Soon.

## Majoriti komuniti Muslim

Lanzhou adalah ibu kota Wilayah Gansu yang terletak di koridor 'Laluan Sutera' di Barat Utara China. Lanzhou adalah satu daripada bandar utama yang mempunyai majoriti komuniti Muslim di China serta pasaran untuk makanan halal yang besar. Bandar ini dikenal pasti sebagai satu daripada fokus pembangunan oleh Kerajaan China.

Sempena Lanzhou Fair, MPOB mempamerkan produk berasaskan sawit dan sampel minyak dan buah sawit di bawah pavilion Malaysia untuk meningkatkan kesedaran umum di Wilayah Gansu terhadap kebaikan dan kegunaan

minyak sawit.

Selain itu, syarikat Malaysia seperti FGV, Carotino dan Muhibah Palm Products turut serta dan mempamerkan produk sawit keluaran Malaysia.

MPOB turut mengambil bahagian dalam satu sesi forum perdagangan yang dianjurkan oleh MIDA sempena Lanzhou Fair untuk menggalakkan perdagangan minyak sawit ke wilayah Barat China.

MPOB diwakili oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Rosidah Radzian. Dalam perbincangan panel berkenaan, beliau berkongsi maklumat mengenai pelbagai kebaikan minyak sawit bagi menarik perdagangan sawit serta pelaburan dalam produk hiliran sawit di Malaysia.

Lanzhou Fair dihadiri lebih 240,000 pengunjung terdiri orang awam serta ahli industri tempatan. Pameran sawit dalam Lanzhou Fair ini dilihat dapat meningkatkan pengetahuan serta menggalakkan penggunaan dan perdagangan sawit di Wilayah Barat China.



Datuk Seri Ong Ka Chuan (kanan) mendengar taklimat mengenai produk-produk sawit Malaysia.

# Santan sawit semakin dapat sambutan



Datuk Seri Ahmad Hamzah meninjau pengeluaran santan sawit Premium Food Corporations di Seri Kembangan.

Oleh Mohd Saufi Awang  
sauafi@mpob.gov.my

**Seri Kembangan:** Kejayaan MPOB mengkomersialkan teknologi pengeluaran santan sawit mendapat sambutan orang ramai bagi menggantikan penggunaan santan kelapa dalam penyediaan makanan.

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata penyelidikan MPOB menghasilkan santan sawit yang sesuai digunakan bagi penyediaan masakan seperti dodol, cendol, nasi lemak dan makanan lain yang menggunakan santan kelapa.

Bagi meninjau operasi penghasilan santan sawit, Datuk Seri Ahmad mengadakan kunjungan ke Premium Food Corporation (PFC) yang mengeluarkan produk santan sawit jenama Khalis.

PFC antara syarikat Bumiputera yang mengkomersialkan teknologi MPOB bagi pengeluaran santan sawit.

Kilang PFC yang terletak di Kompleks Pasar Borong Selangor mempunyai kapasiti pengeluaran santan sawit sebanyak 100 tan sebulan yang dibekalkan ke pasar raya besar di Semenanjung.

Beliau berkata, makanan yang disediakan mengguna santan sa-

wit lebih enak, selain mempunyai khasiat pemakanan yang baik untuk kesihatan.

Santan sawit yang dihasilkan daripada minyak sawit berkhasiat ketika majlis Aidilfitri yang mendapat sambutan menggalakkan masyarakat setempat yang menikmati keenakan makanan yang disediakan mengguna santan sawit.

## Makanan guna santan sawit

Pelbagai makanan menggunakan santan sawit telah dihidangkan ketika majlis Aidilfitri yang mendapat sambutan menggalakkan masyarakat setempat yang menikmati keenakan makanan yang disediakan mengguna santan sawit.

Pengarah Urusan PFC, Datuk Zainal Bachik berkata, syarikatnya akan mengembangkan pasaran santan sawit ke luar negara termasuk Indonesia dan meneroka pasaran produk berasaskan santan ke China dalam tempoh terdekat.

PFC juga akan mengkomersialkan teknologi terbaru MPOB iaitu Santan Sawit Plus yang berkualiti tinggi dan mempunyai tempoh simpanan dalam suhu bilik selama lebih 10 bulan.

Ini memberi peluang kepada syarikat bagi meneroka pasaran tempatan termasuk Sabah dan Sarawak dan juga pasaran luar negara bagi memperluaskan penggunaan produk santan sawit.



# Tumpu kajian kelestarian tanah gambut di Sarawak

➔ Pengerusi MPOB tinjau operasi Stesen Penyelidikan Sessang

Oleh Mohd Saufi Awang  
saufi@mpob.gov.my

▀ Saratok

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah mengadakan lawatan ke Stesen Penyelidikan MPOB Sessang bagi meninjau operasi stesen dan kemajuan penyelidikan berkaitan penanaman sawit di negeri Sarawak.

Stesen Penyelidikan MPOB Sessang mula beroperasi pada 1991 dengan keluasan ladang 1,010 hektar. Pembangunan ladang bagi penyelidikan penanaman sawit melalui pembangunan berperingkat

bermula fasa 1 hingga fasa 5.

MPOB menubuhkan dua stesen penyelidikan di Sarawak iaitu di Sessang bagi penyelidikan tanaman sawit tanah gambut dan Stesen Penyelidikan Belaga yang membolehkan kajian tanaman sawit di kawasan tanah mineral.

Stesen Penyelidikan MPOB Sessang memberi tumpuan kepada kajian pengurusan tanaman sawit di kawasan tanah gambut yang meliputi kajian biak baka, pembajaan, teknik kawalan penyakit dan serangga perosak tanaman sawit, integrasi tanaman dan ternakan.

Penyelidikan MPOB berkaitan pengeluaran bahan tanaman sa-



**Datuk Seri Ahmad mendengar penerangan** mengenai bahan tanaman sawit ketika lawatan ke Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Sarawak.

wit, pengurusan tanah dan air bagi penanaman sawit tanah gambut, Amalan Pertanian Baik, kajian penyakit ganoderma dan kawalan biologi serangga perosak tanaman sawit.

### Teknologi, teknik baharu

Teknologi dan teknik baharu yang dibangunkan melalui penyelidikan MPOB di Stesen Penyelidikan Sessang ditawarkan kepada pengusaha ladang sawit dan pekebun kecil di Sarawak bagi kecekapan peng-

urusan tanaman sawit dan peningkatan produktiviti hasil sawit.

Semasa lawatan singkat ke Saratok, Datuk Seri Ahmad Hamzah juga meninjau operasi Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Saratok yang ditubuhkan pada 2012.

KPSM Saratok mempunyai 547 ahli pekebun kecil dengan keluasan kebun 1,976.82 hektar.

KPSM Saratok adalah antara koperasi yang berjaya menjalankan urus niaga jual beli buah tandan

segar milik pekebun kecil yang memberi peningkatan pendapatan kepada pekebun kecil.

Operasi KPSM Saratok akan diperluaskan meliputi bekalan input pertanian bagi manfaat kepada pekebun kecil.

Penubuhan KPSM adalah antara inisiatif kerajaan melalui MPOB bagi menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam gerakan koperasi yang melaksanakan amalan penanaman sawit secara mampan.

## Malaysia, Jepun bangun teknologi rawatan efluen sawit

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Bangi:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Felda Palm Industries Sdn Bhd (FPISB) baru-baru ini mengumumkan kerjasama dalam membangunkan serta meningkatkan sistem rawatan efluen kilang sawit dengan menggunakan teknologi aquator (sistem pengudaraan tengelam) atau dikenali sebagai sistem Aquator telah pun selesai sepenuhnya.

Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dalam ucapan yang dibacakan oleh Timbalan

Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Lim Weng Soon, semasa mengumumkan mengenai projek berkenaan berkata, usaha sama antara tiga pihak terbabit bermula pada Disember 2015 apabila MPOB, JICA dan FPISB menandatangani projek kerjasama dalam rawatan efluen kilang sawit (POME).

Kos pembangunan sistem di biayai sepenuhnya oleh JICA.

Pemasangan sistem ini dilaksanakan di Kilang Sawit Felda Jengka 21, Pahang oleh syarikat yang dilantik JICA iaitu Hanshin Engineering Co. Ltd, manakala MPOB terbabit dalam penyelidikan, pemantauan dan pengesahan sistem.

Melalui kerjasama ini, MPOB

dapat memindahkan teknologi kepada pihak industri untuk memenuhi keperluan peraturan air sisa Malaysia.

Sistem Aquator kini telah beroperasi sepenuhnya bermula Januari 2016.

Katanya, rawatan POME adalah salah satu bidang tumpuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) MPOB dalam memastikan industri sawit menjadi industri mampan.

“Air buangan yang dilepaskan ke sungai harus mematuhi peraturan yang sangat ketat mengenai Permintaan Oksigen Biologi (BOD), Permintaan Oksigen Kimia (COD), pepejal dan lain-lain untuk memastikan sungai-sungai kita tidak tercemar.



**Dr. Lim Weng Soon** bersama wakil JICA dan FPISB yang terlibat dengan projek kerjasama membangunkan sistem rawatan efluen kilang sawit.

**100th ANNIVERSARY**  
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1918-2018

**PIPOC 2017**  
MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS & EXHIBITION

**THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK**

For more information, please contact:  
[pipoc2017@mpob.gov.my](mailto:pipoc2017@mpob.gov.my)  
or visit MPOB website at  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**14-16 NOVEMBER 2017**  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them



## IMPAC terajui pembangunan modal insan sektor komoditi

Oleh Mohd Solah Deraman  
solah@mpob.gov.my

**Kerajaan** melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) sebagai pusat latihan bersepadu yang bertanggungjawab melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir di sektor perladangan dan komoditi.

Penubuhan IMPAC dilihat mampu membangunkan modal insan sektor komoditi dan merupakan satu langkah strategik serta bertepatan dengan keperluan negara.

IMPAC diharap mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memberi keyakinan tinggi kepada golongan belia untuk menceburi sektor komoditi.

IMPAC menjadi pusat latihan yang menyelaras semua kursus dan latihan yang dilaksanakan oleh semua agensi di bawah MPIC di bawah satu organisasi.

Sektor perladangan dan komoditi di Malaysia sehingga kini masih lagi bergantung kepada tenaga buruh terutama buruh asing. Ini berdasarkan statistik sehingga 31 Mac 2017 yang mana terdapat 541,735 guna tenaga di sektor perladangan komoditi dan daripada jumlah keseluruhan tersebut, lebih 60 peratus atau 336,512 adalah tenaga kerja asing.

Guna tenaga disektor perladangan sawit merupakan yang tertinggi yang berjumlah 426,270 pekerja daripada 541,735 guna tenaga tersebut. Lebih dua per tiga atau 327,420 guna tenaga di sektor sawit ini pula terediri tenaga kerja asing.

Ini menunjukkan jika tiada tenaga kerja asing, kemungkinan industri komoditi terutamanya sektor perladangan sawit negara mungkin lumpuh.

Bagi mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku, penyelesaian jangka panjang perlu dicari.

Satu-satunya kaedah adalah dengan penggunaan mekanisasi atau penggunaan jentera secara menyeluruh dan dioperasikan oleh tenaga mahir tempatan.

Ia juga selaras dengan keperluan meningkatkan hasil pengeluaran komoditi dan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama komoditi, proses meningkatkan tahap mekanisasi dan automasi ladang adalah perlu diutamakan.

Mekanisasi di setiap aktiviti pengeluaran dari peringkat penyediaan tapak atau tanah hingga kepada pemasaran hasil komoditi akan membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan buruh, termasuk pekerja asing.

Jentera mekanisasi yang baik tanpa operator yang berkemahiran, sasaran tersebut tidak akan berjaya. Hardware (jentera mekanisasi) dan software (tenaga mahir) perlu seiring.

### Mampu pengetahuan dan kemahiran

Oleh itu, IMPAC diharap mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan belia untuk turut serta dan membina kerjaya dalam sektor komoditi.

Penubuhan IMPAC telah menjadi platform yang mengawal selia latihan mengikut keperluan komoditi untuk melahirkan tenaga kerja terlatih di dalam sektor komoditi yang merupakan salah satu sektor terbesar menyumbang kepada pendapatan eksport negara.

Sejak ditubuhkan pada 2011 sehingga Mac 2017, IMPAC telah melatih hampir 50 ribu pekerja melalui kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang. Pelatih yang mengikuti latihan dan kursus di setiap agensi pelaksana bekerja di sektor komoditi yang berkaitan de-

ngan kursus yang diikuti.

Sehingga kini, setiap agensi mempunyai pusat latihan yang menjalankan program mengikut komoditi masing-masing seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mempunyai Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang dan Lahad Datu, Sabah; Akademi Hevea Malaysia di Sungai Buluh diuruskan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM); Wood Industry Skills Development Centre (WISDEC), Banting dan Kota Kinabalu oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB); Pusat Inovasi dan Teknologi Koko di Nilai di bawah Lembaga Koko Malaysia (LKM); Lembaga Lada Malaysia (MPB) mengawal selia Pusat Latihan dan Pengembangan Lada di Kuching, Sarawak; dan Institut Latihan Kenaf dan Tembaku Negara di Kelantan di bawah Lembaga Kenaf & Tembaku Negara (LKTN).

IMPAC juga menjalin kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia melalui agensi pelaksana seperti MPOB dan MTIB dalam menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada warga belia tempatan.

Dalam perancangan jangka panjang, IMPAC akan mendapatkan status 'Centre of Excellence' di sektor komoditi dalam merangka keperluan latihan komoditi negara dan akan mengadakan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dalam melahirkan tenaga mahir mengikut keperluan industri komoditi.

Kepada sesiapa yang berminat mengikuti kursus anjuran IMPAC, boleh memohon dengan melayari laman web IMPAC, www.impac.edu.my atau terus melayari laman web agensi pelaksana mengikut komoditi kursus yang dipohon.



Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan cecair pencuci berasaskan sawit.

## Cecair pencuci pakaian berasaskan sawit dilancar

➔ Mesra alam dan setanding produk pencuci lain

Oleh Siti Nurhajar Mariam  
Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

Pada hari ini terdapat pelbagai jenis pilihan sabun pencuci atau dikenali sebagai detergen dalam pasaran yang boleh dipilih oleh suri rumah. Bagi pengguna, mereka bebas membuat pilihan untuk mendapatkan sabun pencuci yang dirasakan terbaik bagi membasuh pakaian.

Terdapat sabun pencuci dengan pelbagai kelebihan seperti dikatakan dapat menghilangkan kotoran tanpa melunturkan warna, tidak merengsakan kulit dan menjadikan pakaian lebih bersih dan pelbagai lagi yang mendedahkan pengguna dengan lambakan pilihan yang tentunya menginginkan yang terbaik dalam produk yang digunakan setiap hari.

Sudah semestinya pengguna memilih sabun pencuci yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan mereka dengan ciri-ciri seperti ekonomik, berbau harum, mencuci pakaian lebih banyak dan bersih, menjadikan pakaian lebih lembut, tidak merengsakan kulit serta mesra alam.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Pusat Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD) telah menghasilkan sejenis detergen yang dapat menyaingi produk-

produk pencuci lain yang lengkap dengan ciri-ciri sabun pencuci yang nyata tidak kurang hebatnya.

### Ester minyak sawit

Kajian yang diketuai oleh Puan Zulina Abd Maurad telah menghasilkan bahan aktif bagi cecair detergen daripada ester minyak sawit susulan daripada kajian yang diketuai oleh mantan Pengarah Bahagian AOTD, Dr Salmiah Ahmad yang telah meraih kemenangan pingat emas dalam ITEX 2004.

Kajian menghasilkan bahan aktif detergen dari minyak sawit dijalankan memandangkan proses menghasilkan MES (bahan utama untuk detergen) daripada minyak sawit lebih murah dan mesra alam berbanding dengan bahan lain.

Kajian yang dijalankan berjaya mengubah bahan mentah daripada minyak sawit kepada ester dan kemudiannya kepada sulphonated methyl ester yang lembut dan tidak menjejaskan kulit berbanding penggunaan bahan kimia dan petroleum.

Sabun pencuci berasaskan sawit diformulasi dengan bahan pencuci yang lembut, tidak memberikan kesan kerengsaan kepada kulit manusia, terbiodegradasi (proses penguraian sebatian kepada sebatian ringkas oleh mikroorganisma dengan mudah) dan mempunyai kuasa cucian aktif yang dapat membersihkan dengan lebih baik jika dibandingkan dengan bahan pencuci lain.

Sulphonated methyl ester yang dihasilkan dari minyak sawit lebih menjimatkan kos kerana pemrosesannya berasaskan metil ester berbanding dengan fatty alcohol atau linear alkyl benzene sulphonated (LABS) yang kos pemrosesannya lebih tinggi.

Penyelidikan tersebut adalah satu daripada inovasi yang mempunyai potensi un-

tuk dikomersialkan secara lebih meluas.

Malah penyelidikan berkenaan berjaya memikat hati salah sebuah syarikat di bawah Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), Oxichem Resources untuk membuat pemindahan teknologi melalui perjanjian yang dimeterai pada 30 Disember 2016.

Oxichem Resources adalah syarikat yang mengilang, membekal dan memasarkan produk-produk pencuci di bawah jenama Mahkota di Semenanjung Malaysia.

### Oxichem, MPOB jalin kolaborasi

Pada tahun 2015, Oxichem telah menjalin kolaborasi bersama MPOB untuk memformulasi semula cecair pencuci yang sedia ada dengan cecair pencuci berasaskan methyl ester sawit.

Perjanjian bagi pemindahan teknologi antara MPOB dan Oxichem telah dimeterai pada 30 Disember 2016 yang menyaksikan siri baru bagi sabun pencuci Mahkota.

Produk pencuci sabun berasaskan sawit ini secara rasminya dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, ketika Perasmian Seminar Pemindahan Teknologi 2017 di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini.

Turut bersama dalam upacara pelancaran tersebut, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Zurinah Pawanteh; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din; dan Pengarah Urusan Oxichem Resources, Mohd Khairul Hanif.

Cecair pencuci tersebut boleh didapati di pasar raya Tesco di Semenanjung dan beberapa pasar raya lain di Pantai Timur seperti Pasar Raya Darul Makmur bagi negeri Pahang dan Pasar Raya Sabasun bagi negeri Terengganu.



Cecair pencuci berasaskan sawit yang kini berada di pasaran.



Ketua Pengawai Eksekutif IMPAC, Mohd Solah Deraman memberi penerangan kepada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong yang melawat pameran IMPAC di Teluk Intan, Perak



# Forum kesihatan, pemakanan sawit tingkat keyakinan pengguna China

➔ Dihadiri lebih 130 pakar pemakanan dan pengamal kesihatan

Oleh Yoong Jun Hao  
jhyoong@mpob.gov.my

► Lanzhou, China

Forum kesihatan dan pemakanan anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Persatuan Pemakanan Wilayah Gansu bertempat di Jinjiang Sun Hotel, Lanzhou, Wilayah Gansu, China disasar akan meningkatkan imej sawit di wilayah berkenaan.

Penganjuran forum yang bertujuan menyebarkan maklumat terkini mengenai minyak sawit disasar akan dapat meningkatkan keyakinan pengguna di China me-

ngenai kebaikan pemakanan yang ada dalam minyak sawit.

Konsul Jeneral Malaysia di Xi'An, Tan Li Lung merasmikan Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit ke-7 anjuran bersama na pada awal Julai lalu.

Sejumlah 130 pakar pemakanan, pengamal kesihatan, pakar minyak dan lemak serta pegawai kesihatan Kerajaan Wilayah Gansu menghadiri forum berkenaan. Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB Dr Lim Weng Soon; Presiden Persatuan Pemakanan Gansu Prof Wang Yu; Pengarah Pemprosesan Makanan Lanzhou Food and Drug Administration, Han Ying dan Pengarah Kesihatan Jabatan Pendidikan Lanzhou Su JunHai.

## Bincang kebaikan minyak sawit

Forum ini menyediakan peluang kepada pakar terbabit untuk bertukar pandangan dari segi teknikal mengenai isu pemakanan minyak sawit dan membincangkan kebaikan minyak sawit terhadap kesihatan.

Tan Li Lung dalam ucapan utamanya menyatakan Malaysia adalah negara pengekspor minyak sawit berkualiti tinggi serta terkenal sebagai pembekal minyak sawit



Sebahagian pakar kesihatan dan pemakanan yang menghadiri forum di Lanzhou, China.

reputasi tinggi di seluruh dunia.

Beliau berharap penggunaan minyak sawit di China dapat ditingkatkan.

"Ini akan membolehkan rakyat China mendapatkan minyak makan yang berkhasiat dengan harga yang kompetitif bagi memenuhi keperluan terhadap makanan", katanya.

Dr Lim Weng Soon yang mem-

bacakan ucapan Ketua Pengarah MPOB berkata, dalam program intervensi vitamin A yang dijalankan oleh Lanzhou University dan MPOB di Lanzhou berjaya mengurangkan kejadian kekurangan vitamin A di kalangan kanak-kanak.

Katanya, pelbagai penyelidikan bio perubatan yang membuktikan minyak sawit adalah selamat di-

makan dan tidak akan menjejaskan kesihatan badan.

Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan semasa forum ini yang merangkumi pelbagai aspek pemakanan bagi minyak sawit Malaysia.

Forum ini telah meyakinkan para pengguna dan pakar pemakanan atas kebaikan minyak sawit di negara China.

# GSAS bantu perkukuh modal insan industri sawit

Oleh Suraya Harun  
suraya@mpob.gov.my

**Bangi:** MPOB Graduate Students Assistantship Scheme (GSAS) diyakini berupaya membantu memperkukuhkan industri sawit negara.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, program GSAS memberi peluang dan ruang kepada pihak industri, penyelidik dan universiti berkaitan bagi membina rangkaian dan hubungan strategik serta potensi kerjasama yang boleh dimanfaatkan bersama pada masa hadapan.

"Program GSAS adalah selaras dengan aspirasi kerajaan ke arah memperkasakan modal insan di bawah Program Transformasi Kerajaan," katanya dalam teks ucapan perasmian Seminar MPOB GSAS ke-10 yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Lim Weng Soon.

Seminar ini berjaya menarik penyertaan lebih 200 peserta terdiri daripada pelajar universiti tempa-

tan, ahli akademik serta penggiat industri.

Sebanyak sembilan kertas kerja dibentangkan oleh graduan tajaan MPOB yang berjaya menamatkan pengajian lepasan ijazah di bawah MPOB Graduate Students Assistantship Scheme.

GSAS menyediakan biasiswa pendidikan kepada pelajar lepasan universiti untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran di universiti tempatan.

## Platform bagi saintis muda berkongsi maklumat

Katanya, seminar ini adalah platform bagi saintis muda untuk berkongsi maklumat, kepakaran, idea dan teknologi di samping memperkukuhkan jaringan dan kerjasama di antara satu sama lain khususnya dalam sektor sawit.

Sejumlah dana diperuntukkan di bawah GSAS sebagai satu usaha MPOB untuk melahirkan saintis pelapis yang mempunyai kepakaran di dalam bidang sains teknologi bagi memenuhi keperluan industri sawit yang

semakin berkembang dan mencabar.

Di samping itu juga kewujudan saintis muda berwibawa ini diharapkan akan dapat membuat sebanyak mungkin penemuan baharu yang bertaraf Nobel Laureate serta menambah nilai hasil komoditi negara.

Katanya, pembangunan modal insan penting untuk kemajuan negara terutama bagi menyediakan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Penubuhan GSAS pada 1995 membantu menghasilkan tenaga kerja berkemahiran terutama dalam sektor sawit.

"Selain bantuan kewangan dan kepakaran penyelidikan, pelajar di bawah GSAS MPOB turut mempunyai akses kepada kemudahan penyelidikan yang paling maju yang disediakan oleh MPOB," katanya.

Sehingga 2016, MPOB membiayai 219 pelajar pasca siswazah di bawah program GSAS. Semua pelajar yang telah menamatkan pengajian kini menyumbang dalam pelbagai sektor ekonomi negara.



Peserta di kalangan pelajar universiti yang menghadiri Seminar GSAS MPOB di Bangi baru-baru ini.



# Program nutrisi sawit tingkat kesedaran warga sekolah

➔ Kementerian Pendidikan, 20 sekolah akan sertai program MPOB

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Program Kesedaran dan Kajian Nutrisi yang diadakan secara bersiri di sekolah-sekolah rendah bermula Julai lalu.

Program berkenaan bertujuan mendidik pelajar dan kalangan ibu bapa yang mempunyai persepsi negatif dengan minyak sawit dalam diet harian.

Menyedari hakikat salah anggapan berkenaan, MPOB mengambil inisiatif untuk memberi pencerahan kepada golongan ini agar mempunyai pengetahuan dan pe-

mahaman mantap mengenai kebaikan minyak sawit sebagai sumber lemak dalam diet seimbang selain menggalakkan pelajar mengamalkan gaya hidup aktif.

MPOB mengenal pasti sekolah di sekitar lingkungan 50 kilometer (km) dari Ibu Pejabat MPOB yang berpotensi untuk terbabit dengan program julung kali diadakan ini.

Lebih 20 sekolah memberi maklum balas positif untuk menyertai program berkenaan yang diadakan secara berkala mengikut kelapangan pihak sekolah dan ibu bapa terbabit.

Menerusi program yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, pelajar dan ibu bapa di sekolah terpilih akan didedahkan dengan maklumat tepat me-



Antara ibu bapa yang ditemubual pada program nutrisi di SJKT Puchong.

ngenai manfaat kebaikan pemilihan minyak sawit berbanding minyak sayuran lain melalui sesi taklimat oleh pegawai penyelidik MPOB.

Seramai 50 murid Tahun Empat dan Tahun Lima dipilih bagi satu sesi di sesebuah sekolah.

### Ibu bapa, pelajar ditemuduga

Ibu bapa dan pelajar yang menyertai program akan ditemuduga dengan soal selidik berkenaan rutin pengambilan makanan dan aktiviti fizikal yang diamalkan setiap hari.

Data berkenaan akan dikumpul dan dianalisis bagi menentukan kelaziman obesiti dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungan kait faktor peningkatan risiko sakit jantung dan lebihan be-

rat badan.

Siri jelajah program yang membuka tirainya bermula Julai 2017 itu diadakan di dua sekolah, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Puchong dan SJKT Serdang dan menerima maklum balas positif daripada warga sekolah dan ibu bapa berkaitan kelebihan penggunaan minyak sawit.

“Selama ini saya berpandangan minyak bunga matahari lebih baik kerana warnanya yang lebih jernih dan harga yang mahal berbanding minyak sawit, pada hari ini saya baru disedarkan oleh kebaikan minyak sawit dengan harga yang jauh lebih murah.

“Saya pasti akan bertukar kepada minyak sawit dalam masakan saya selepas ini,” kata antara ibu peserta program yang me-

ngunjungi pameran MPOB yang disediakan sempena program berkenaan.

### Sambutan baik

Pelajar dan ibu bapa yang berpusu-pusu hadir seawal waktu pendaftaran bermula jelas menunjukkan sambutan baik terhadap program berkenaan

Selain pameran poster dan produk berasaskan sawit, turut diadakan ketika program itu berlangsung ialah pertandingan warna dan kuiz sawit.

MPOB akan terus komited dalam menyebarkan maklumat tepat mengenai kebaikan dan kelebihan minyak sawit menerusi pelbagai medium, termasuk mengadakan aktiviti di sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

## MPOB sertai Hari Peneroka FELDA Kebangsaan



Pengunjung di ruang pameran MPOB diberi penerangan mengenai khasiat minyak sawit.

Oleh Muhammad Asyraf Hussin  
asyrafhussin@mpob.gov.my

**Putrajaya:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah antara 11 agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang menyertai pameran sempena Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2017 yang diadakan di sini, pada Julai lalu.

Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2017 dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Razak.

Program ini memberi ruang dan peluang kepada peneroka dan pekebun kecil serta orang ramai bagi mendapatkan maklumat terperinci dan tepat daripada agensi kerajaan yang menyertai program terbabit.

MPOB yang bernaung di bawah MPIC menerima jemputan khas FELDA bagi memberi pendedahan dan maklumat berkaitan sektor komoditi dan kejayaan yang berjaya dicapai oleh sektor ini.

Pada pameran berkenaan, MPOB menyalurkan pelbagai maklumat

seperti Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan produktiviti sawit dan teknologi yang berjaya dihasilkan oleh MPOB seperti Pemotong Sawit Bermotor Generasi Baru CANTAS.

### Komited kongsi maklumat

Pembabitin MPOB dalam pameran ini jelas membuktikan MPOB sangat komited dalam berkongsi maklumat dengan peneroka dan pekebun kecil mengenai penggunaan bahan tanaman berkualiti, pembajaan sempurna, kawalan perosak dan penyakit sawit, kaedah penuaian, kaedah pemangkasan sawit, pengredan buah tandan segar dan integrasi tanaman dan ternakan.

Selain itu, MPOB turut memamerkan produk dan hasil teknologi serta membuka kaunter jualan produk sawit (Palm Shoppe) kepada pengunjung yang melawat pameran MPOB.

Yang turut mengunjungi pameran berkenaan ialah Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong; Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



# Label 'Tiada Minyak Sawit' salah satu peraturan EU

→ Kempen tak sah, tiada bukti kukuh kaitkan dengan isu alam sekitar



Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia



Untuk maklumat lanjut, lawati [www.mpoc.org.my](http://www.mpoc.org.my)

Kempen pengecaman 'Tiada Minyak Sawit' yang giat dilakukan oleh para pengkritik minyak sawit di Kesatuan Eropah (EU) telah disahkan salah di sisi undang-undang. Setelah meneliti segala hujahan yang diberikan oleh kedua-dua pihak, Mahkamah Rayuan Belgium di Brussels memutuskan pada 2 Jun lalu bahawa Delhaize, salah satu pasar raya terkenal di EU telah melanggar undang-undang negara itu apabila ia membuat tuduhan liar dan tidak tepat mengenai minyak sawit termasuk menggunakan label 'Tiada Minyak Sawit' pada produk-produk keluarannya sendiri.

Mahkamah rayuan Belgium memutuskan bahawa segala tuduhan yang dilemparkan oleh Delhaize yang mengaitkan minyak sawit dengan isu alam sekitar dan kesihatan 'tidak dapat dibuktikan dengan jelas dan oleh itu tidak objektif'. Dalam keputusannya, mahkamah telah mengarahkan Delhaize supaya menghentikan segera tuduhan-tuduhan yang tidak adil ini serta mengelirukan para pengguna awam. Ia juga mengenakan denda kewangan yang berat terhadap Delhaize.

Keputusan mahkamah rayuan ini adalah tidak mengejutkan dan tidak dijangka sama sekali. Tidak mengejutkan kerana penghakiman yang diambil ini sangat jelas dan tepat. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ke atas minyak sawit oleh para pengilang dan peruncit seperti Delhaize yang menggunakan label 'Tiada Minyak Sawit' pada produk-produk jualan mereka adalah tidak benar, tidak wajar serta bertujuan untuk memalukan. Malah, keputusan mahkamah ini adalah selari dengan keputusan satu kes yang serupa beberapa tahun terdahulu.

## Menang kes saman

Pada 2012, para pengeluar minyak sawit di Ivory Coast telah memenangi kes saman mereka terhadap peruncit terkenal di Perancis, Systeme U. Dalam kes yang serupa dengan Delhaize, mahkamah perdagangan di Paris (Tribunal de Commerce de Paris) telah memerintahkan Systeme U supaya menghentikan dengan segera kempen 'Tiada Minyak Sawit' mereka.

Malah, Hogan Lovells, satu firma undang-undang antarabangsa yang terkemuka, juga telah menerbitkan satu kajian pada 2015 yang menunjukkan bagaimana pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' telah melanggar beberapa undang-undang di Kesatuan Eropah, Perancis dan Belgium termasuk yang berikut:

- EU Food Information to Consumers Regulation (1169/2011)
- EU Directive on Food Labelling (2000/13/EC)
- EU Unfair Commercial Practices Directive (2005/29/EC)
- Belgian Law on Market Practices (2010)
- French Commercial Code (Articles L450-1 & L450-4)

Mahkamah rayuan Belgium hanya menyatakan dalam penghakimannya hukum yang telah diketahui oleh pakar undang-undang di EU selama bertahun-tahun lamanya; iaitu kempen anti-minyak sawit adalah tidak benar dan merupakan satu bentuk

penindasan terhadap minyak sayuran pesaing. Jadi, mengapa penghakiman mahkamah rayuan Belgium ini juga tidak dijangka?

Sebabnya ialah pihak-pihak berkuasa di EU kerajaan, pengawal selia, serta mahkamah selama ini enggan menguatkuasakan undang-undang yang mereka perkenalkan sendiri beberapa tahun dahulu.

Kempen 'Tiada Minyak Sawit' telah dibenarkan untuk terus beroperasi dengan tidak terkawal, walaupun ia dengan jelas telah melanggar undang-undang Kesatuan Eropah. Pihak-pihak berkuasa di Perancis seperti DGCCRF, yang bertanggungjawab menangani kes-kes penipuan terhadap para pengguna, telah lama menyedari isu ini tetapi enggan menguatkuasakan undang-undang atau mengancam syarikat-syarikat yang terbabit.

Situasi yang sama juga berlaku di Belgium dan Itali. Di Brussels dimana ia berpusat, Suruhanjaya Eropah hanya berdiam diri dan terus membenarkan para pengguna dipengaruhi dengan iklan-iklan 'Tiada Minyak Sawit' yang tidak benar dan mengelirukan oleh Delhaize, Systeme U dan lain-lain peruncit.

Mengapa situasi ini terjadi? Penjelasan ringkas yang berikut ini mungkin tidak mengejutkan. Ini kerana pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' adalah selari dengan usaha-usaha anti-minyak sawit lain di Eropah yang dilihat memberi manfaat yang besar kepada industri mereka.

## Salahi peraturan EU

Kini, mahkamah rayuan Belgium ini telah menyatakan dengan jelas bahawa kempen anti-minyak sawit melalui pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' adalah menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian, tiada lagi alasan untuk negara-negara EU, pengawal selia atau pegawai penguat kuasa di rantau itu untuk terus membenarkan kempen pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' diteruskan tanpa sebarang tindakan undang-undang.

Melakukannya akan memberi isyarat pengakuan secara terbuka bahawa negara-negara tersebut mempunyai satu dasar yang sengaja mendiskriminasikan produk-produk minyak sawit keluaran Malaysia, dan dengan tujuan menggugat sumber pendapatan eksport Malaysia walaupun mereka sedar bahawa tindakan ini adalah salah di sisi undang-undang mereka.

Persoalan yang menarik sekarang ialah adakah Perancis, Itali, dan negara-negara lain yang terlibat di EU akan menguatkuasakan undang-undang terhadap kempen anti-minyak sawit ini dan adakah syarikat-syarikat lain di Belgium akan mematuhi keputusan mahkamah rayuan mereka ini? Atau mungkinkah penghakiman terhadap Delhaize ini akan menerima nasib yang sama seperti apa yang telah berlaku terhadap 'kebenaran' - diketepikan oleh EU supaya ia dapat terus melindungi industri-industri-nya dengan membenarkan kempen mendiskriminasi minyak sawit diteruskan?

→ Artikel ini telah diterjemah dan disunting daripada artikel asal yang bertajuk, 'It's Official: No Palm Oil Labels ARE Illegal'. Sila layari [www.theoilpalm.org](http://www.theoilpalm.org) untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.



# Minyak sawit mampan dan berkualiti pilihan pengguna

Pada masa kini, masyarakat dunia saban hari semakin sadar akan kepentingan hidup dan berusaha untuk berubah ke arah gaya hidup yang lebih sihat.

Dengan itu, pelbagai inovasi dilakukan bagi memenuhi permintaan sejagat masyarakat kini.

Ini kerana, kebanyakan makanan mengandungi sumber yang tidak sihat seperti lemak trans yang terhasil daripada minyak separa hidrogenis yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada tubuh badan.

Ini kerana lemak trans ini jika diambil secara berterusan boleh mengakibatkan saluran arteri menjadi tersumbat seterusnya menyumbang kepada penyakit jantung.

Oleh yang demikian, dengan adanya kesedaran tentang pentingnya kesihatan, pengguna telah beralih kepada minyak sawit Malaysia yang dihasilkan secara mampan dan melalui proses pensijilan.

Ini adalah hasil usaha keras MPOB yang telah mengubal Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang meliputi amalan kriteria dan pensijilan mampan sejagat yang bertujuan bagi meningkatkan amalan mampan minyak sawit negara.

Sememangnya minyak sawit mampan dan berkualiti semakin menjadi pilihan pengguna masa kini.

Hal ini dapat dilihat apabila produk-produk oleokimia Malaysia adalah amat dipercayai sehingga mendorong syarikat oleokimia di Amerika Syarikat dan Eropah untuk beralih kepada penggunaan bahan mentah berasaskan kelapa sawit.



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Nur Adlina Nadia Ahmad Ridzuan**  
SMKA Al-Irshad,  
Kepala Batas, Pulau Pinang

Justeru, banyak syarikat Amerika lebih gemar untuk memilih minyak sawit mampan dari Malaysia yang diprakui kualitinya dan telah dipersijilkan mampan sebagai alternatif kepada minyak lain.

Selain itu, minyak sawit Malaysia turut memenuhi kehendak syarikat luar negara. Sebagai contoh, pengeluaran produk makanan Amerika adalah diwajibkan untuk memastikan produk keluaran mereka bebas daripada lemak separa hidrogenasi.

Oleh itu, pengeluar produk makanan daripada Amerika terpaksa mencari alternatif bagi memastikan produk keluaran mereka bebas daripada kewujudan lemak separa hidrogenasi di dalam produk makanan mereka. Oleh itu, minyak sawit mampan Malaysia telah menjadi pilihan pengeluar produk makanan terkemuka.

Disamping itu, pengguna negara ini turut sadar akan kualiti minyak sawit mampan keluaran tempatan. Pengguna kini turut beralih

kepada penggunaan santan sawit sebagai alternatif bagi menggantikan kebergantungan terhadap santan kelapa.

Atas cadangan MPOB, pengguna semakin sadar akan khasiat minyak sawit Malaysia yang diakui lebih berkualiti dan berkhasiat berbanding santan kelapa. Hal ini adalah satu perkembangan positif.

Ini berikutan permintaan santan yang tinggi terutamanya pada musim perayaan akan dapat dikurangkan. Justeru, penggunaan santan kelapa sawit dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan bekalan santan.

Selain itu, pengguna juga semakin bijak dalam memilih produk dan sumber makanan mereka. Ini kerana, mereka semakin sadar akan kepentingan makanan berkhasiat dan semulajadi. Hal ini seterusnya mendorong pengguna untuk bertukar kepada minyak sawit mampan.

Seterusnya, minyak sawit mampan diakui mempunyai pelbagai khasiat yang baik kepada pengguna. Atas kesedaran pengguna, mereka peka bahawa minyak sawit mempunyai khasiat yang seimbang dan bebas kolesterol.

Selain itu, ianya juga bebas lemak trans dan mengandungi vitamin E tekotrienol. Justeru, minyak sawit bertindak sebagai sumber tenaga yang sangat baik disamping bertindak sebagai antioksidan yang membantu menghindari kanser dan mencegah strok.

Kesimpulannya, pengubalan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) secara mandatori dapat memastikan kualiti minyak sawit Malaysia seterusnya meningkatkan penghasilan minyak sawit mampan dari Malaysia.

# Industri sawit memainkan peranan penting dalam pengeluaran minyak mampan

Industri sawit merupakan salah satu sektor industri perladangan terbesar di Malaysia. Walaupun industri sawit telah mencecah usia 100 tahun namun tidak menjadi halangan untuk industri ini menjadi penyumbang utama dalam sektor ekonomi negara.

Industri sawit di Malaysia juga dilihat semakin berkembang dengan usaha-usaha daripada agensi kerajaan, syarikat swasta dan pekebun-pekebun kecil dalam mengusahakan tanaman sawit untuk memenuhi permintaan sawit yang semakin meningkat dari masa ke semasa.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan permintaan semasa, industri pengeluaran sawit haruslah sentiasa mementingkan kualiti pengeluaran sawit supaya tidak menjejaskan permintaan pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata Malaysia perlu meneruskan usaha untuk mencapai lebih banyak kecemerlangan dan mengukuhkan lagi tapak industri sawit agar terus berkembang secara global.

Oleh itu, dua aspek perlu diberi perhatian bagi memastikan industri sawit memainkan peranan penting dalam pengeluaran minyak sawit yang mampan iaitu teknologi dan modal insan.

Pertama sekali, teknologi. Sedar atau tidak penggunaan teknologi sangat penting dalam pengelu-



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Muhammad Zaidi A'ala**  
Taman Universiti,  
Skudai, Johor

aran minyak sawit yang mampan. Hal ini disebabkan, penggunaan teknologi mampu mengurangkan risiko ancaman perosak terhadap buah sawit sekaligus meningkatkan kualiti pengeluaran.

Teknologi juga mampu mengingkakan pengeluaran sawit serta melancarkan kerja pemrosesan minyak sawit mengikut ketetapan yang ditetapkan. Sebagai contohnya, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menghasilkan satu inovasi yang dinamakan sebagai E-Cutter. E-Cutter merupakan mesin pencantas elektrik yang dihasilkan khas untuk menuai buah serta pelepah kelapa sawit.

Perkara ini akan menjadikan kerja-kerja ladang dapat dilakukan dengan lebih pantas. Selain itu, melalui teknologi juga dapat mempelbagaikan kegunaan

buah kelapa sawit yang telah diproses untuk kegunaan sesuatu pembuatan masakan atau makanan.

Oleh itu, penggunaan teknologi sangat penting terutama ketika ini segala kerja perlu dilakukan dengan pantas seiring memenuhi permintaan pengguna yang pelbagai.

Kedua adalah modal insan. Modal insan ialah modal yang digagaskan telah dihebahkan dan dibentang di peringkat institusi pengajian awam dan swasta untuk menjana suatu kerja yang dilihat sebagai aset penting dalam sesebuah negara.

Mengapakah modal insan ini sangat penting dalam memainkan peranan dalam pengeluaran minyak sawit yang mampan? Hal ini disebabkan, secara khususnya mempunyai kemahiran tertentu untuk menjalankan proses-proses kerja perladangan dan pemprosesan kelapa sawit.

Bagi mengekalkan kemahiran yang dimiliki pekerja-pengusaha perlu menghantar pekerja untuk diberi latihan supaya setiap perkembangan atau maklumat berkenaan industri sawit diketahui dan dapat digunakan untuk syarikat sekali gus mampu menghasilkan sawit yang berkualiti mengikut stratifikasi yang telah ditetapkan.

Oleh itu, modal insan merupakan aset penting bagi industri sawit dalam memastikan perjalanan kerja pengurusan kelapa sawit berjalan lancar dan menghasilkan pengeluaran yang mampan.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OGOS 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** 'Teknologi memainkan peranan penting dalam kemajuan industri sawit. Bincangkan.'

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** 'Industri sawit berpotensi maju ke tahap yang lebih tinggi dengan sokongan teknologi. Bincangkan.'

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
 © Hadiah Pertama: **RM250**  
 © Hadiah Kedua: **RM200**  
 © Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan SEPTEMBER 2017 akan datang.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Julai 2017

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**  
Nur Adlina Nadia Ahmad Ridzuan  
SMKA Al-Irshad  
Kepala Batas, Pulau Pinang

**Hadiah Kedua**  
Muhammad Khairi Ammar Rozaki  
SMA Syubbaniah  
Batu Kurau, Perak

**Hadiah Ketiga**  
Tiada pemenang

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadiah Pertama**  
Muhammad Zaidi A'ala  
Taman Universiti  
Skudai, Johor

**Hadiah Kedua**  
Salbyah Mogni  
Pontian, Johor

**Hadiah Ketiga**  
Tiada pemenang

## Syarat Penyertaan

- © **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.
- © **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- © Bukan kakitangan MPOB.
- © Panjang esei antara 500 - 700 patah kata.
- © Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- © Keputusan juri adalah muktamad.
- © Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Ogos 2017.
- © Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)





**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong** mendengar penerangan mengenai teknologi alat tuaian sawit yang menggunakan kuasa bateri, mesra alam dan menjimatkan kos semasa melawat pameran MPOB sempena Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2017 di Ibu Pejabat MPOB di Bangi.



**Datuk Seri Mah Siew Keong** diberi penerangan oleh Pengarah Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, N. Balu ketika melawat pameran MPOB sempena program Hari Peneroka FELDA Kebangsaan 2017 yang berlangsung di Putrajaya, baru-baru ini.



**Dr Ahmad Kushairi Din** bertukar dokumen perjanjian pengkomersialan teknologi dengan wakil syarikat Bina Paint Marketing Sdn Bhd, Rosli Adam sempena seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2017.



**Datuk Seri Mah Siew Keong** melihat replika syiling peringatan yang dikeluarkan sempena ulang tahun Industri Sawit Malaysia ke-100 oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau melancarkan syiling berkenaan di Muzium dan Galeri Seni, BNM, Kuala Lumpur. Turut serta ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Gabenor BNM, Datuk Muhammad Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr. Kalyana Sundram.



**Dr Ahmad Kushairi Din** memberi taklimat kepada Exco alumni, pensyarah dan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai oleh Presiden Persatuan Alumni UPM, Dato' Seri Diraja Syed Razlan Jamalullail ketika melawat Galeri Sawit MPOB.